



18 Mac 2022  
18 March 2022  
P.U. (A) 65

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI 2022

### *GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI 2022

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Fi

BAHAGIAN II  
PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

Penggal 1

*Kebolehdaftaran petunjuk geografi*

4. Penggunaan petunjuk geografi di internet

Penggal 2

*Permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi*

5. Permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi
6. Pindaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi

Penggal 3

*Bangkangan*

7. Pemfailan notis bangkangan
8. Pemfailan pernyataan balas
9. Keterangan bagi menyokong bangkangan

Peraturan

10. Keterangan bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi
11. Keterangan balas oleh pembangkang
12. Keterangan lanjut
13. Hujahan bertulis
14. Pelanjutan masa bagi prosiding bangkangan

Penggal 4

*Pendaftaran*

15. Perakuan pendaftaran

BAHAGIAN III

DAFTAR PETUNJUK GEOGRAFI DAN REKOD PENDAFTAR

16. Catatan dalam Daftar mengenai butir-butir petunjuk geografi berdaftar
17. Catatan dalam rekod Pendaftar mengenai butir-butir permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi

BAHAGIAN IV

PEMBAHARUAN DAN KEMASUKAN SEMULA PETUNJUK GEOGRAFI BERDAFTAR

18. Butir-butir tambahan dihendaki bagi pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi
19. Penyiaran pendaftaran petunjuk geografi yang dikeluarkan
20. Butir-butir tambahan dihendaki bagi kemasukan semula pendaftaran petunjuk geografi yang dikeluarkan

**BAHAGIAN V**  
**PEMBETULAN DAN PEMBATALAN PETUNJUK GEOGRAFI**

Peraturan

21. Pembetulan Daftar
22. Permintaan bagi pembatalan sukarela petunjuk geografi berdaftar

**BAHAGIAN VI**  
**PENYAMPAIAN PERMOHONAN DAN LAIN-LAIN KEPADA PENDAFTAR**

23. Penyampaian permohonan yang difaiklan di Mahkamah kepada Pendaftar
24. Penyampaian perintah atau penghakiman Mahkamah kepada Pendaftar

**BAHAGIAN VII**  
**PELANJUTAN MASA DAN PENGHIDUPAN SEMULA**

25. Permintaan bagi pelanjutan masa
26. Permohonan bagi penghidupan semula permohonan, hak atau benda

**BAHAGIAN VIII**  
**EJEN PETUNJUK GEOGRAFI**

27. Daftar Ejen Petunjuk Geografi
28. Pendaftaran ejen
29. Perkongsian dan pertubuhan perbadanan boleh didaftarkan sebagai ejen
30. Pembatalan pendaftaran ejen
31. Pendaftar boleh menolak untuk mengiktiraf ejen
32. Penamatan atau penghentian ejen

**BAHAGIAN IX**  
**PELBAGAI**

33. Pertukaran alamat penyampaian

Peraturan

34. Penentusan Pendaftar

**BAHAGIAN X**  
**PEMBATALAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN**

- 35. Tafsiran
- 36. Pembatalan
- 37. Kecualian dan peralihan

**JADUAL**

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2022

PERATURAN-PERATURAN PETUNJUK GEOGRAFI 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 98 Akta Petunjuk Geografi 2022 [Akta 836], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN 1  
PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi 2022.**  
  
(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2022.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jurnal” ertinya Jurnal Rasmi Harta Intelek yang disiarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 85 Akta;

“Garis Panduan” ertinya Garis Panduan Petunjuk Geografi 2022 yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 95 Akta.

**Fi**

3. Fi yang kena dibayar di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

BAHAGIAN II  
PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

Penggal 1

*Kebolehdaftaran petunjuk geografi*

**Penggunaan petunjuk geografi di internet**

4. (1) Berhubung dengan penggunaan suatu petunjuk geografi di internet, Pendaftar atau Mahkamah, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengambil kira peruntukan Akta dan Syor Bersama.

(2) Dalam peraturan ini, "Syor Bersama" ertinya Syor Bersama Mengenai Peruntukan Perlindungan bagi Cap, dan Hak Harta Perindustrian Lain berkenaan Tanda, di Internet yang diterima pakai pada Siri Mesyuarat yang Ketiga Puluh Enam bagi Sidang Perhimpunan Ahli Negara-Negara Anggota Pertubuhan Harta Intelek Dunia pada 24 September hingga 3 Oktober 2001.

Penggal 2

*Permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi*

**Permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi**

5. Mana-mana orang hendaklah, semasa memfailkan suatu permohonan bagi pendaftaran suatu petunjuk geografi dengan Pendaftar di bawah seksyen 8 Akta, mengemukakan kepada Pendaftar maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan.

**Pindaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi**

6. (1) Apa-apa pindaan menurut subseksyen 15(1) Akta hendaklah hanya dibuat bagi perkara yang berikut:

(a) representasi petunjuk geografi;

(b) perihalan barang; dan

(c) spesifikasi permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi.

(2) Jika pindaan dibuat bagi suatu permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi yang telah disiarkan dalam Jurnal, pindaan itu hendaklah juga disiarkan dalam Jurnal.

(3) Mana-mana orang yang berkepentingan yang berhasrat untuk menentang pindaan yang disiarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah, dalam tempoh dua bulan selepas tarikh penyiaran pindaan itu, memfailkan dengan Pendaftar suatu notis bangkangan kepada pindaan itu bersama dengan suatu pernyataan alasan bangkangan.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), pernyataan alasan bangkangan itu ialah—

(a) jika pindaan itu dibuat kepada representasi petunjuk geografi atau barang yang termasuk dalam permohonan, apa-apa alasan di bawah seksyen 10 Akta; atau

(b) jika pindaan itu dibuat kepada spesifikasi permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi dan menyentuh hak mana-mana orang yang berkepentingan, apa-apa alasan bahawa pindaan itu menyentuh hak orang yang berkepentingan itu; dan

(c) pindaan yang dibuat itu tidak mematuhi subseksyen 15(2) Akta.

(5) Peraturan 7 hingga 14 hendaklah terpakai bagi suatu notis bangkangan seperti yang berikut:

(a) sebutan kepada permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi dalam peraturan 7 dan 10 hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada permohonan bagi pindaan yang disebut dalam subperaturan (1);

- (b) sebutan kepada pembangkang dalam peraturan 8 dan 9, subperaturan 10(2), 11(1) dan (2), dan peraturan 12, 13 dan 14 hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada orang yang berkepentingan yang disebut dalam subperaturan (3);
- (c) sebutan kepada tarikh penyiaran penyetujuterimaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi dalam peraturan 7 hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada tarikh penyiaran pindaan yang disebut dalam subperaturan (3); dan
- (d) sebutan kepada notis bangkangan dalam peraturan 7 dan 8 hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada notis bangkangan yang disebut dalam subperaturan (3).

**Penggal 3**

***Bangkangan***

**Pemfailan notis bangkangan**

7. (1) Bagi maksud pemfailan suatu notis bangkangan di bawah subseksyen 16(1) Akta, mana-mana orang yang berkepentingan hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penyiaran penyetujuterimaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi, memfailkan notis bangkangan terhadap permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi dengan Pendaftar.

(2) Orang yang berkepentingan boleh memohon bagi suatu pelanjutan masa untuk melanjutkan tempoh pemfailan notis bangkangan di bawah subperaturan (1) bagi tempoh yang tidak melebihi dua bulan selepas habis tempoh bagi pemfailan notis bangkangan itu.

**Pemfailan pernyataan balas**

8. Pemohon hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penerimaan notis bangkangan daripada pembangkang, memfailkan suatu pernyataan balas yang disebut dalam subseksyen 16(4) Akta dengan Pendaftar.

**Keterangan bagi menyokong bangkangan**

9. (1) Pembangkang hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penerimaan pernyataan balas di bawah peraturan 8, memfailkan apa-apa keterangan melalui akuan berkanun bagi menyokong bangkangan itu dengan Pendaftar.

(2) Pembangkang hendaklah, pada masa yang sama dengan pemfailan keterangan bagi menyokong bangkangan itu, menyampaikan suatu salinan keterangan itu kepada pemohon.

**Keterangan bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi**

10. (1) Pemohon hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penerimaan keterangan yang menyokong bangkangan di bawah peraturan 9, memfailkan apa-apa keterangan melalui akuan berkanun bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi itu dengan Pendaftar.

(2) Pemohon hendaklah, pada masa yang sama dengan pemfailan keterangan bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi itu, menyampaikan suatu salinan keterangan itu kepada pembangkang.

**Keterangan balas oleh pembangkang**

11. (1) Pembangkang boleh, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penerimaan keterangan bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi di bawah peraturan 10, memfailkan keterangan balas itu melalui akuan berkanun dengan Pendaftar.

(2) Pembangkang hendaklah, pada masa yang sama dengan pemfailan keterangan balas itu, menyampaikan suatu salinan keterangan balas itu kepada pemohon.

(3) Keterangan balas itu yang difailkan di bawah peraturan ini hendaklah dihadkan kepada perkara yang semata-mata membalias keterangan yang menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi.

### **Keterangan lanjut**

12. Tiada keterangan lanjut boleh difailkan oleh pembangkang atau pemohon melainkan jika dengan kebenaran Pendaftar dan atas apa-apa terma mengenai kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

### **Hujahan bertulis**

13. Selepas selesai pemfailan keterangan termasuk apa-apa ekhibit di bawah peraturan 9, 10, 11 dan 12, pembangkang dan pemohon boleh, dalam tempoh dua bulan dari tarikh pengeluaran notis oleh Pendaftar, memfailkan suatu hujahan bertulis dengan Pendaftar.

### **Pelanjutan masa bagi prosiding bangkangan**

14. Kecuali bagi peraturan 7, pembangkang atau pemohon boleh memohon bagi suatu pelanjutan masa untuk melanjutkan apa-apa tempoh yang berhubungan dengan prosiding bangkangan di bawah seksyen 16 Akta dan Peraturan-Peraturan ini bagi suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan.

Penggal 4

*Pendaftaran*

### **Perakuan pendaftaran**

15. Suatu perakuan pendaftaran petunjuk geografi yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah subseksyen 17(3) Akta hendaklah mengandungi—

- (a) petunjuk geografi yang telah didaftarkan;
- (b) persempadanan kawasan geografi yang kepadanya petunjuk geografi itu terpakai;
- (c) nama dan alamat orang sebenar atau entiti undang-undang yang atas namanya petunjuk itu didaftarkan;
- (d) nama dan alamat penyampaian ejen, jika ada;

- (e) barang yang berkenaan dengannya petunjuk geografi itu didaftarkan;
- (f) kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain barang yang baginya petunjuk geografi itu digunakan dan apa-apa syarat yang di bawahnya petunjuk itu boleh digunakan;
- (g) tarikh pemfailan permohonan bagi pendaftaran, nombor permohonan serta tarikh pendaftaran; dan
- (h) syarat yang praktik bagi pendaftaran petunjuk geografi homonim, jika berkenaan.

**BAHAGIAN III**  
**DAFTAR PETUNJUK GEOGRAFI DAN REKOD PENDAFTAR**

**Catatan dalam Daftar mengenai butir-butir petunjuk geografi berdaftar**

16. Pendaftar hendaklah mencatatkan dalam Daftar berkenaan dengan setiap petunjuk geografi berdaftar perkara dan butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh pemfailan permohonan bagi pendaftaran;
- (b) tarikh pendaftaran;
- (c) tarikh catatan petunjuk geografi dalam Daftar;
- (d) representasi petunjuk geografi itu;
- (e) nama dan alamat penyampaian tuan punya berdaftar;
- (f) nama dan alamat penerima pindahan atau mana-mana orang lain yang mempunyai kepentingan dalam petunjuk geografi berdaftar, jika ada;
- (g) nama dan alamat penyempaian ejen, jika ada;

- (h) alamat penyampaian tuan punya berdaftar, penerima pindahan atau mana-mana orang lain yang mempunyai kepentingan dalam petunjuk geografi berdaftar itu;
- (i) apa-apa syarat, pindaan, penafian, pengubahsuaian, sekatan atau pengehadan hak;
- (j) barang yang berkenaan dengannya petunjuk geografi itu didaftarkan;
- (k) jika petunjuk geografi itu didaftarkan dengan persetujuan tuan punya berdaftar cap dagangan atau petunjuk geografi terdahulu, fakta itu;
- (l) butir-butir mengenai perakuan kesahan yang diberikan oleh Mahkamah, jika ada;
- (m) nama dan alamat anggota persatuan pengeluar atau pengeluar yang berada di bawah kawalan pihak berkuasa yang berwibawa;
- (n) persempadanan kawasan geografi yang baginya petunjuk geografi itu terpakai;
- (o) kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain barang yang baginya petunjuk geografi itu didaftarkan dan apa-apa syarat yang di bawahnya petunjuk itu boleh digunakan; dan
- (p) syarat yang praktik bagi pendaftaran petunjuk geografi homonim, jika berkenaan.

**Catatan dalam rekod Pendaftar mengenai butir-butir permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi**

17. Pendaftar hendaklah mencatatkan dalam rekod Pendaftar berkenaan dengan setiap permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi perkara dan butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh pemfailan permohonan bagi pendaftaran;
- (b) representasi petunjuk geografi;
- (c) nama dan alamat pemohon;
- (d) alamat penyampaian pemohon;
- (e) nama dan alamat penyampaian ejen, jika ada;
- (f) apa-apa syarat, pindaan, penafian, pengubahsuaian, halangan atau pengehadan hak ke atas permohonan bagi pendaftaran, jika berkenaan;
- (g) barang yang berkenaan dengannya petunjuk geografi itu dimohon;
- (h) jika petunjuk geografi itu disetuju terima dengan persetujuan tuan punya berdaftar cap dagangan terdahulu atau petunjuk geografi terdahulu, fakta itu;
- (i) persempadanan kawasan geografi yang baginya suatu petunjuk geografi itu terpakai;
- (j) kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain barang yang baginya petunjuk geografi itu didaftarkan, dan apa-apa syarat yang petunjuk itu boleh digunakan;
- (k) syarat yang praktik bagi pendaftaran petunjuk geografi homonim, jika berkenaan; dan

- (l) apa-apa butir-butir lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

#### BAHAGIAN IV

##### PEMBAHARUAN DAN KEMASUKAN SEMULA PETUNJUK GEOGRAFI BERDAFTAR

###### **Butir-butir tambahan dikehendaki bagi pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi**

18. (1) Menurut subseksyen 19(1) Akta, suatu permohonan bagi pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi hendaklah dibuat oleh tuan punya berdaftar dalam tempoh enam bulan sebelum tarikh habis tempoh pendaftaran petunjuk geografi itu.

(2) Jika petunjuk geografi itu didaftarkan berdasarkan suatu petunjuk geografi yang dilindungi di negara atau wilayah asalnya, tuan punya berdaftar itu hendaklah memfailkan suatu permohonan bagi pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi di bawah subperaturan (1) bersama-sama dengan suatu salinan perakuan atau apa-apa dokumen yang diterima oleh Pendaftar untuk membuktikan bahawa perlindungan itu wujud di negara atau wilayah asalnya.

(3) Jika semasa memfailkan permohonan bagi pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi bersama dengan pembayaran fi, tuan punya berdaftar gagal untuk memberikan kepada Pendaftar dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (2), Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu notis bertulis kepada tuan punya berdaftar itu untuk memberikan dokumen itu dalam tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(4) Tiada pelanjutan tempoh masa boleh dibenarkan oleh Pendaftar di bawah peraturan ini.

###### **Penyiaran pendaftaran petunjuk geografi yang dikeluarkan**

19. Apa-apa pendaftaran petunjuk geografi yang telah disifatkan sebagai dikeluarkan di bawah subseksyen 19(4) Akta hendaklah disiarkan dalam Jurnal.

**Butir-butir tambahan dihendaki bagi kemasukan semula pendaftaran petunjuk geografi yang dikeluarkan**

20. (1) Bagi maksud memasukkan semula petunjuk geografi yang telah dikeluarkan di bawah subseksyen 19(4) Akta, jika petunjuk geografi itu didaftarkan berdasarkan suatu petunjuk geografi yang dilindungi di negara atau wilayah asalnya, tuan punya berdaftar itu hendaklah memfailkan suatu permohonan bagi kemasukan semula pendaftaran petunjuk geografi yang dikeluarkan di bawah subseksyen 19(5) Akta bersama dengan suatu salinan perakuan atau apa-apa dokumen yang diterima oleh Pendaftar untuk membuktikan bahawa perlindungan itu wujud di negara atau wilayah asalnya.

(2) Jika semasa memfailkan suatu permohonan bagi kemasukan semula pendaftaran petunjuk geografi yang dikeluarkan bersama dengan pembayaran fi, tuan punya berdaftar gagal untuk memberikan kepada Pendaftar dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (1), Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu notis bertulis kepada tuan punya berdaftar untuk memberikan dokumen itu dalam tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(3) Tiada pelanjutan tempoh masa boleh dibenarkan oleh Pendaftar di bawah peraturan ini.

**BAHAGIAN V**  
**PEMBETULAN DAN PEMBATALAN PETUNJUK GEOGRAFI**

**Pembetulan Daftar**

21. (1) Mana-mana tuan punya berdaftar boleh memfailkan suatu permintaan bagi apa-apa pembetulan Daftar di bawah perenggan 21(2)(a) atau (b) Akta dengan Pendaftar bersama dengan pembayaran fi.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), permintaan yang dibuat oleh tuan punya berdaftar kepada Pendaftar hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan yang menyatakan jenis kepentingan pemohon, fakta yang menjadi asas permintaan pemohon dan relief yang diminta oleh pemohon.

(3) Walau apa pun kehendak untuk membayar fi di bawah subseksyen 21(2) Akta dan subperaturan (1), tiada fi akan dikenakan oleh Pendaftar bagi permintaan apa-apa perubahan alamat tuan punya berdaftar jika perubahan alamat itu disebabkan oleh suatu pihak berkuasa awam.

(4) Bagi maksud suatu perubahan nama dan subperaturan (2), tuan punya berdaftar hendaklah memfailkan dokumen sokongan sehingga memuaskan hati Pendaftar.

(5) Sebagai tambahan kepada subperaturan (4), Pendaftar boleh, melalui suatu notis bertulis mengehendaki apa-apa dokumen sokongan lanjut dan tuan punya berdaftar hendaklah memfailkan dokumen itu dalam tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

**Permintaan bagi pembatalan sukarela petunjuk geografi berdaftar**

22. (1) Tuan punya berdaftar yang membuat suatu permintaan kepada Pendaftar bagi pembatalan sukarela suatu petunjuk geografi berdaftar berkenaan dengan apa-apa barang di bawah subseksyen 22(1) Akta hendaklah—

(a) menyatakan nama dan alamat mana-mana orang yang menuntut suatu hak atau kepentingan berkenaan dengan petunjuk geografi itu; dan

(b) mengisyiharkan bahawa dia telah menghantar suatu notis tidak kurang daripada dua bulan kepada orang yang disebut dalam bawah perenggan (a) mengenai hasratnya untuk membatalkan pendaftaran petunjuk geografi itu, dan tidak memberi kesan, atau jika memberi kesan, bersetuju dengan pembatalan itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Pendaftar boleh, melalui suatu notis bertulis menghendaki apa-apa dokumen atau maklumat sokongan lanjut dan tuan punya berdaftar itu hendaklah memfailkan dokumen atau maklumat tambahan itu dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(3) Apa-apa pembatalan pendaftaran petunjuk geografi yang berkuat kuasa menurut subseksyen 22(3) Akta hendaklah disiarkan dalam Jurnal.

## BAHAGIAN VI

### PENYAMPAIAN PERMOHONAN DAN LAIN-LAIN KEPADA PENDAFTAR

#### **Penyampaian permohonan yang difaikkan di Mahkamah kepada Pendaftar**

23. Mana-mana orang yang memfailkan apa-apa permohonan di Mahkamah yang berhubungan dengan permohonan bagi pendaftaran suatu petunjuk geografi berdaftar termasuk suatu rayuan daripada permohonan itu, hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas menerima salinan termeterai permohonan daripada Mahkamah, menyampaikan salinan permohonan itu kepada Pendaftar bersama dengan butir-butir yang berikut:

- (a) nombor pendaftaran petunjuk geografi itu;
- (b) barang yang terkesan oleh permohonan itu;
- (c) nama tuan punya berdaftar petunjuk geografi itu yang menjadi subjek permohonan bagi pembatalan atau tindakan lain di bawah Akta;
- (d) nombor writ saman atau saman pemula;
- (e) tarikh pemfailan permohonan itu di Mahkamah;
- (f) Mahkamah yang membicarakan;
- (g) pihak kepada permohonan itu; dan
- (h) kausa tindakan permohonan itu.

**Penyampaian perintah atau penghakiman Mahkamah kepada Pendaftar**

24. (1) Jika suatu perintah atau penghakiman dibuat oleh Mahkamah berikut dengan pemfailan permohonan kepada Mahkamah sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 23, orang yang kepadanya perintah atau penghakiman Mahkamah itu dibuat memihak kepadanya, atau jika terdapat lebih daripada seorang, mana-mana satu daripada orang itu hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, menyampaikan suatu salinan termeterai perintah atau penghakiman Mahkamah itu kepada Pendaftar.

(2) Apabila perintah atau penghakiman Mahkamah itu diterima, jika suatu pembetulan Daftar diperlukan—

- (a) orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah memfailkan suatu permohonan, bersama dengan pembayaran fi, bagi pembetulan Daftar yang disokong dengan suatu salinan termeterai perintah atau penghakiman Mahkamah itu; dan
- (b) Daftar itu hendaklah dibetulkan oleh Pendaftar mengikut perintah atau penghakiman Mahkamah itu.

**BAHAGIAN VII**  
**PELANJUTAN MASA DAN PENGHIDUPAN SEMULA**

**Permintaan bagi pelanjutan masa**

25. Tertakluk kepada apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini termasuk apa-apa notis bertulis yang dikeluarkan oleh Pendaftar, tiap-tiap permintaan bagi suatu pelanjutan masa di bawah subseksyen 90(1) Akta yang difailkan dengan Pendaftar hendaklah menyatakan hal keadaan bagi membolehkan Pendaftar menentukan sama ada untuk membenarkan pelanjutan masa atau selainnya.

**Permohonan bagi penghidupan semula permohonan, hak atau benda**

26. Mana-mana orang yang membuat suatu permintaan kepada Pendaftar bagi penghidupan semula permohonan, hak atau benda di bawah subseksyen 91(1) Akta hendaklah menyatakan hal keadaan bagi membolehkan Pendaftar menentukan sama ada penghidupan semula itu wajar mengikut kehendak sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan.

BAHAGIAN VIII  
EJEN PETUNJUK GEOGRAFI

**Daftar Ejen Petunjuk Geografi**

27. Daftar Ejen Petunjuk Geografi di bawah seksyen 30 Akta hendaklah mengandungi butir-butir ejen seperti yang berikut:

- (a) nama ejen atau nama perkongsian atau pertubuhan perbadanan disertakan dengan nama setiap orang yang berhak untuk didaftarkan di bawah peraturan 28;
- (b) alamat penyampaian ejen itu;
- (c) butir-butir perhubungan ejen itu; dan
- (d) tarikh pendaftarannya sebagai seorang ejen.

**Pendaftaran ejen**

28. (1) Mana-mana orang yang membuat suatu permohonan bagi pendaftaran ejen di bawah seksyen 31 Akta hendaklah memenuhi kehendak yang berikut:

- (a) orang itu ialah sama ada seorang warganegara, berdomisil dalam, atau pemastautin tetap, Malaysia;
- (b) orang itu akan beramal sebagai seorang ejen dalam perniagaan yang didaftarkan di Malaysia;

- (c) orang itu bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (d) orang itu tidak disabitkan dengan suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau apa-apa kesalahan lain di bawah Akta;
- (e) orang itu telah menghadiri semua kursus sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar; dan
- (f) orang itu telah lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Pendaftar Cap Dagangan di bawah perenggan 110(2)(f) Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019 [P.U. (A) 373/2019].

(2) Sebagai tambahan kepada kehendak di bawah subperaturan (1), orang yang membuat permohonan bagi pendaftaran ejen hendaklah memuaskan hati Pendaftar bahawa—

- (a) orang itu dicatatkan dalam Daftar Ejen Paten yang disenggara menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Paten 1983 [*Akta 291*];
- (b) orang itu dicatatkan dalam Daftar Ejen Cap Dagangan yang disenggara menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Cap Dagangan 2019 [*Akta 815*];
- (c) orang itu ialah seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau seorang peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak yang beramal secara aktif semata-mata di Malaysia;
- (d) orang itu memegang ijazah yang diiktiraf dalam apa-apa bidang pengajian dan mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam bidang harta industri; atau

(e) orang itu mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman dalam bidang harta industri oleh sebab dia ialah seorang bekas pegawai Perbadanan.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(c) dan (d), orang itu hendaklah mengemukakan bukti yang dikehendaki pada masa pemfailan permohonan di bawah subperaturan (1).

(4) Dalam meluluskan permohonan di bawah subperaturan (1), Pendaftar boleh menghendaki bukti lanjut perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (2)(c) dan (d) melalui pengeluaran suatu notis bertulis dan orang itu hendaklah memberikan maklum balas dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(5) Jika orang itu gagal untuk memberikan maklum balas kepada notis bertulis di bawah subperaturan (4), permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disifatkan sebagai ditarik balik.

(6) Tiada pelanjutan masa boleh dibenarkan oleh Pendaftar untuk melanjutkan tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis di bawah subperaturan (4).

(7) Walau apa pun kehendak untuk lulus peperiksaan di bawah perenggan (1)(f), Pendaftar boleh mengenepikan kehendak itu jika orang itu telah lulus peperiksaan bagi ejen paten di bawah peraturan 45D Peraturan-Peraturan Paten 1986 [P.U. (A) 327/1986].

(8) Setelah berpuas hati bahawa orang itu layak untuk didaftarkan sebagai ejen, Pendaftar hendaklah mendaftarkan nama orang itu dalam Daftar Ejen Petunjuk Geografi bagi suatu tempoh yang akan habis pada 31 Disember tahun itu.

(9) Jika orang itu gagal untuk memenuhi kehendak di bawah peraturan ini, Pendaftar hendaklah—

- (a) menolak untuk mendaftarkan orang itu sebagai ejen; dan
- (b) mengeluarkan suatu notis bertulis kepada orang itu tentang penolakan itu.

**Perkongsian dan pertubuhan perbadanan boleh didaftarkan sebagai ejen**

29. (1) Mana-mana perkongsian atau pertubuhan perbadanan boleh memohon kepada Pendaftar untuk didaftarkan sebagai ejen dengan memfailkan suatu permohonan bagi pendaftaran ejen di bawah seksyen 31 Akta.

(2) Pendaftar hendaklah mendaftarkan suatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan sebagai ejen dan mencatatkan nama perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu dalam Daftar Ejen Petunjuk Geografi jika perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu terdiri daripada seorang atau lebih ejen berdaftar.

(3) Apabila didaftarkan sebagai ejen, alamat perkongsian atau pertubuhan pendaftaran itu hendaklah menjadi alamat penyampaian bagi perkongsian atau pertubuhan perbadanan itu.

**Pembatalan pendaftaran ejen**

30. (1) Pendaftar hendaklah membatalkan pendaftaran ejen yang—

- (a) telah dibuang daripada Daftar Ejen Paten atau Daftar Ejen Cap Dagangan, atau digantung atau dibuang daripada Daftarai Peguam Bela dan Peguam Cara, yang mana berkenaan;
- (b) telah disabitkan dengan suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau apa-apa kesalahan lain di bawah Akta;

- (c) bukan lagi seorang warganegara, berdomisil dalam, atau pemastautin tetap, Malaysia atau tidak lagi beramal atau menjalankan perniagaan utamanya di Malaysia;
- (d) telah menjadi bankrap atau tidak solven; atau
- (e) gagal untuk memperbaharui pendaftaran ejen di bawah perenggan 32(1)(b) Akta.

(2) Selepas penyiaran dalam Jurnal di bawah perenggan 32(2)(b) Akta, orang yang diwakili oleh ejen yang pendaftarannya telah dibatalkan dan dikeluarkan daripada Daftar Ejen Petunjuk Geografi di bawah peraturan ini hendaklah melantik dan memberikan kuasa kepada ejen baharu untuk bertindak baginya.

(3) Walau apa pun perenggan (1)(e) dan subperaturan (2), Pendaftar hendaklah memasukkan semula pendaftaran ejen yang pendaftarannya telah dibatalkan dan dikeluarkan daripada Daftar Ejen Petunjuk Geografi di bawah perenggan (1)(e) dan subperaturan (2) jika ejen itu memfailkan, dalam tempoh enam bulan dari tarikh pembatalan dan pengeluaran itu—

- (a) suatu permohonan bagi pelanjutan masa di bawah subseksyen 90(1) Akta; dan
- (b) suatu permohonan bagi pembaharuan pendaftaran di bawah perenggan 32(1)(f) Akta.

#### **Pendaftar boleh menolak untuk mengiktiraf ejen**

31. Pendaftar boleh menolak untuk mengiktiraf orang yang berikut sebagai seorang ejen bagi maksud apa-apa perbuatan, perkara atau benda di bawah Akta:

- (a) seseorang yang telah disabitkan dengan suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau mana-mana kesalahan lain di bawah Akta;

- (b) seorang ejen yang namanya telah dibatalkan, dikeluarkan daripada dan tidak dimasukkan semula ke dalam Daftar Ejen Petunjuk Geografi; dan
- (c) suatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang salah satu pekongsi atau pengaruhnya ialah orang yang boleh ditolak untuk diiktiraf oleh Pendaftar menurut perenggan (a) atau (b).

### **Penamatan atau penghentian ejen**

32. (1) Jika seseorang yang diwakili oleh ejen bermatiat untuk menamatkan ejennya, bagi maksud penamatan seseorang ejen di bawah subseksyen 29(3) Akta, orang itu hendaklah memfailkan suatu notis untuk menamatkan pelantikan dan pemberian kuasa ejen itu dengan Pendaftar.

(2) Jika seseorang ejen bermatiat untuk berhenti untuk bertindak bagi pihak orang yang dirujuk dalam subseksyen 29(2) Akta, bagi maksud penghentian untuk bertindak di bawah subseksyen 29(4) Akta, ejen itu hendaklah memfailkan notis untuk berhenti untuk bertindak bagi pihak orang itu dengan Pendaftar.

(3) Apabila berpuas hati dengan permohonan yang difailkan di bawah subperaturan (1) atau (2), Pendaftar hendaklah merekodkan penamatan atau penghentian itu dengan sewajarnya.

## BAHAGIAN IX

### PELBAGAI

### **Pertukaran alamat penyampaian**

33. (1) Bagi maksud subseksyen 88(3) Akta, apa-apa permintaan untuk menukar alamat penyampaian mana-mana pemohon, atau mana-mana orang yang membangkang pendaftaran suatu petunjuk geografi atau mana-mana orang yang terlibat dalam apa-apa prosiding di hadapan Pendaftar hendaklah dibuat kepada Pendaftar secepat yang dapat dilaksanakan apabila pertukaran alamat itu berlaku.

(2) Pengeluaran apa-apa dokumen oleh Pendaftar kepada pemohon, atau orang yang membangkang pendaftaran suatu petunjuk geografi atau orang yang terlibat dalam apa-apa prosiding di hadapan Pendaftar sebelum permohonan untuk pertukaran alamat penyampaian difailkan dan dikuatkuasakan oleh Pendaftar, hendaklah disifatkan telah dikeluarkan dan disampaikan kepada pemohon, orang yang membangkang pendaftaran suatu petunjuk geografi atau orang yang terlibat dalam apa-apa prosiding di hadapan Pendaftar.

### **Penentusan Pendaftar**

34. (1) Bagi maksud subseksyen 42(3) Akta, mana-mana orang yang berkepentingan hendaklah memfailkan suatu permintaan, bersama dengan pembayaran fi, dengan Pendaftar bagi penentusan Pendaftar.

(2) Permintaan bagi suatu penentusan Pendaftar di bawah subperaturan (1) hendaklah disokong oleh akuan berkanun yang mengandungi—

- (a) keterangan penggunaan petunjuk geografi itu yang tidak sama dengan petunjuk geografi berdaftar pada barang itu; dan
- (b) pernyataan yang memperihalkan bahawa barang itu tidak mengikut kualiti, reputasi atau ciri-ciri sebagaimana yang dinyatakan dalam Daftar.

(3) Pendaftar hendaklah, apabila menerima permintaan bagi penentusan Pendaftar, memeriksa perakuan berkanun itu dan mengeluarkan penentusan Pendaftar yang mengisyiharkan bahawa—

- (a) apa-apa petunjuk yang secara langsung atau tidak langsung merujuk kepada petunjuk geografi itu telah dipakaikan pada barang itu atau selainnya; atau
- (b) barang itu tidak mengikut kualiti, reputasi atau ciri-ciri sebagaimana yang dinyatakan dalam Daftar atau selainnya.

(4) Pendaftar boleh, dalam memeriksa perakuan berdaftar bagi penentusan Pendaftar itu, meminta keterangan lanjut daripada orang yang berkepentingan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis.

(5) Orang yang berkepentingan boleh memohon bagi suatu pelanjutan masa untuk melanjutkan tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis di bawah subperaturan (4) bagi tempoh yang tidak melebihi satu bulan.

(6) Apabila penentusan Pendaftar dikeluarkan, orang yang berkepentingan itu hendaklah mengemukakan penentusan Pendaftar itu kepada Penolong Pengawal.

(7) Penentusan Pendaftar yang dikeluarkan di bawah peraturan ini hendaklah hanya digunakan bagi maksud seksyen 42 Akta.

(8) Penentusan Pendaftar yang dikeluarkan di bawah peraturan ini hendaklah sah bagi tempoh satu tahun dari tarikh pengeluarannya.

## BAHAGIAN X

### PEMBATALAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

#### **Tafsiran**

35. Dalam Bahagian ini, "Peraturan-Peraturan yang dibatalkan" ertiinya Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi 2001 [P.U. (A) 247/2001].

#### **Pembatalan**

36. Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi 2001 dibatalkan.

#### **Kecualian dan peralihan**

37. (1) Apa-apa permohonan bagi pendaftaran suatu petunjuk geografi yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan

kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan, dan jika didaftarkan, petunjuk geografi itu hendaklah dikira bagi maksud Peraturan-Peraturan ini sebagai suatu petunjuk geografi berdaftar.

(2) Apa-apa perkara yang dikehendaki untuk diiklankan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang belum selesai penyiaran dalam *Warta* sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, disiarkan dalam Jurnal dan perkara itu hendaklah disifatkan telah diiklankan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan.

### JADUAL

[Peraturan 3]

FI

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)
1.	Permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi	250.00 setiap permohonan
2.	Permohonan bagi—  (a) pindaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi  (b) pembetulan perihalan tuan punya berdaftar  (c) pembetulan butir-butir perihalan barang berkenaan dengan petunjuk geografi berdaftar	100.00 setiap permohonan
3.	Permohonan bagi—  (a) pindaan nama pemohon  (b) pindaan alamat penyampaian pemohon  (c) pembetulan nama atau alamat tuan punya pendaftar	30.00 setiap permohonan

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)
4.	Permohonan untuk meminda dokumen:  (a) permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi  (b) notis bangkangan  (c) pernyataan balas  (d) apa-apa dokumen yang berhubungan dengan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi atau petunjuk geografi berdaftar	20.00 setiap permohonan
5.	Permohonan untuk menghadiri pendengaran	150.00 setiap permohonan
6.	Permohonan bagi alasan penolakan	1000.00 setiap permohonan
7.	Penyiaran penyetujuterimaan	450.00 setiap penyiaran
8.	Pemfailan notis bangkangan yang berhubungan dengan—  (a) pendaftaran petunjuk geografi  (b) pindaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi yang telah disiarkan	450.00 setiap pemfailan  300.00 setiap pemfailan
9.	Pemfailan pernyataan balas	300.00 setiap pemfailan
10.	Permintaan untuk mendeposit sekuriti bagi kos bagi bangkangan	20.00 setiap permintaan
11.	Permohonan bagi pembatalan sukarela petunjuk geografi berdaftar	20.00 setiap permohonan
12.	Pemberitahuan pemfailan permohonan atau rayuan kepada Mahkamah	20.00 setiap pemberitahuan

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)
13.	Permohonan bagi—  (a) pembatalan pendaftaran oleh perintah atau penghakiman Mahkamah  (b) merekodkan perakuan kesahan  (c) memproses dan menguat kuasa apa-apa perintah Mahkamah yang lain	300.00 setiap permohonan
14.	Permohonan bagi penentusahan Pendaftar	500.00 setiap permohonan
15.	Permohonan bagi pemindahmilikan pendaftaran petunjuk geografi berdaftar	300.00 setiap permohonan
16.	Permintaan bagi perakuan Pendaftar yang berupa sebagai ditandatangani oleh Pendaftar	100.00 setiap permintaan
17.	Permintaan bagi pelanjutan masa	100.00 setiap bulan
18.	Permintaan bagi penghidupan semula	300.00 setiap permintaan
19.	Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi	420.00 setiap permohonan
20.	Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran petunjuk geografi dan surcaj	630.00 setiap permohonan
21.	Permohonan bagi kemasukan semula pendaftaran petunjuk geografi	670.00 setiap permohonan
22.	Permohonan bagi penarikan balik permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi berdaftar	10.00 setiap permohonan
23.	Permohonan bagi pendaftaran ejen petunjuk geografi	500.00 setiap permohonan
24.	Permohonan bagi pembaharuan pendaftaran ejen petunjuk geografi	250.00 setiap permohonan

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)
25.	Permohonan bagi pembatalan secara sukarela ejen petunjuk geografi	20.00 setiap permohonan
26.	Permohonan bagi penukaran nama atau alamat penyampaian ejen petunjuk geografi berdaftar	20.00 setiap permohonan
27.	Notis—  (a) pelantikan dan pemberian kuasa kepada ejen berdaftar  (b) alamat penyampaian tambahan pemohon atau mana-mana orang  (c) penamatan ejen petunjuk geografi berdaftar	30.00 setiap notis
28.	Notis niat untuk berhenti untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak mana-mana orang	10.00 setiap notis
29.	Permintaan bagi salinan bercetak atau bertulis atau cabutan daripada Daftar:  (a) diperaku sah oleh Pendaftar dan dimeterai dengan meterainya  (b) salinan yang tidak diperaku sah  (c) salinan perakuan pendaftaran	10.00 setiap muka surat  5.00 setiap muka surat  50.00 setiap salinan
30.	Permintaan bagi salinan borang, maklumat atau dokumen yang difailkan dengan Pendaftar atau dikeluarkan oleh Pendaftar daripada sistem elektronik:  (a) diperaku sah oleh Pendaftar dan dimeterai dengan meterainya  (b) salinan yang tidak diperaku sah	10.00 setiap muka surat  5.00 setiap muka surat

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)
31.	Permintaan untuk menjalankan carian awam	10.00 setiap jam
32.	Permintaan bagi maklumat yang dibenarkan	100.00 sepuluh muka surat yang pertama  5.00 setiap muka surat yang berikutnya
33.	Pemfailan dokumen secara manual  (Hanya terpakai apabila sistem pemfailan elektronik tersedia atau Pendaftar tidak mengenakan penahanan terhadap sistem pemfailan elektronik)	2.00 setiap muka surat

Dibuat 17 Mac 2022  
 [KPDN.100-1/3/2; PN(PU2)410/VII]

DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

## GEOGRAPHICAL INDICATIONS REGULATIONS 2022

---

### ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

#### PART I PRELIMINARY

##### Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Fee

#### PART II REGISTRATION OF GEOGRAPHICAL INDICATIONS

##### Division 1

###### *Registrability of geographical indications*

4. Use of geographical indication on internet

##### Division 2

###### *Application for registration of geographical indications*

5. Application for registration of geographical indication
6. Amendment of application for registration of geographical indication

##### Division 3

###### *Opposition*

7. Filing of notice of opposition
8. Filing of counterstatement
9. Evidence in support of opposition

Regulation

10. Evidence in support of application for registration of geographical indication
11. Evidence in reply by opponent
12. Further evidence
13. Written submission
14. Extension of time for opposition proceedings

Division 4

*Registration*

15. Certificate of registration

PART III

REGISTER OF GEOGRAPHICAL INDICATIONS AND RECORD OF REGISTRAR

16. Entry in Register of particulars of registered geographical indications
17. Entry in record of Registrar of particulars of application for registration of geographical indications

PART IV

RENEWAL AND RESTORATION OF REGISTERED GEOGRAPHICAL INDICATIONS

18. Additional particulars required for renewal of registration of geographical indication
19. Publication of removed registration of geographical indication
20. Additional particulars required for restoration of removed registration of geographical indication

PART V

CORRECTION AND CANCELLATION OF GEOGRAPHICAL INDICATIONS

21. Correction of Register
22. Request for voluntary cancellation of registered geographical indication

